

Newspaper	Berita Harian
Date	17 January 2016



Najib bersalaman dengan Presiden Huazong, Tan Sri Pheng Yin Huah pada Majlis Perasmian Wisma Huazong di Seri Kembangan, semalam.

[FOTO YAZIT RAZALI/BH]

'Perangi habis-habisan keganasan, perkauman'

» PM ikrar kekal kan keamanan, keselamatan negara

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak berikrar akan terus memerangi habis-habisan sebarang bentuk keganasan serta si-

kap perkauman dan kegamaan melampau bagi mengekalkan keamanan, keharmonian dan keselamatan negara.

Perdana Menteri berkata, serangan bom di Jakarta, Indonesia, pada Khamis lalu, serta Istanbul, Turki dan Paris, Perancis, baru-baru ini mengejutkan rakyat Malaysia dan kejadian itu menunjukkan bahawa keamanan dan keharmonian tidak boleh diambil mudah.

Keamanan perlu dipelihara

"Kita semua dikejutkan dengan berita pengeboman ini dan mengingatkan kita betapa pentingnya keamanan dan keharmonian perlu terus dipelihara.

"Sebagai Perdana Menteri, saya berjanji akan berjuang habis-habisan menentang sebarang bentuk keganasan dan pelampau ini," katanya ketika berucap merasmikan Wisma Huazong di Seri Kem-

“**Sangat penting semangat keamanan dan keharmonian ini untuk membentuk negara yang berjaya dan maju**”

Najib Razak,
Perdana Menteri

bangsan di sini, semalam.

Pada majlis itu, Najib turut mengumumkan peruntukan RM3 juta untuk dana Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia (Huazong).

Yang turut hadir, Presiden MCA, Datuk Seri Liow Tiong Lai; Presiden GERAKAN, Datuk Seri Mah Siew Kong dan Penasihat Kehormat Huazong, Tan Sri Dr Jeffrey Cheah.

Kerjasama capai keharmonian
Najib berkata, untuk mengekalkan keamanan dan keharmonian, semua rakyat perlu bekerjasama bagi mencapai matlamat itu.

Katanya, rakyat Malaysia yang pelbagai kaum perlu bergerak ke peringkat seterusnya untuk saling menghormati antara satu sama lain.

"Sangat penting semangat keamanan dan keharmonian ini untuk membentuk negara yang berjaya dan maju," katanya.

Perdana Menteri turut meminta rakyat tidak menggunakan media sosial untuk mempersenda, memalukan dan mencemuh orang lain.

"Dalam negara pelbagai bangsa, agama dan budaya, kita perlu saling menghormati dan toleransi bagi membina ikatan yang kukuh untuk mewujudkan masyarakat yang bersatu, adil dan saksama serta progresif," katanya.

Dalam pada itu, Najib mahu melihat lebih banyak kerjasama antara komuniti perniagaan Cina dan Bumiputera bagi memakmurkan ekonomi negara.

"Kerjasama dan perpaduan adalah kelebihan yang ada pada Malaysia. Saya percaya kerjasama perniagaan ini akan menjadikan kita lebih kuat, lebih berpadu dan maju.

"Lebih penting, kerjasama itu akan dapat menyediakan ahli perniagaan untuk masa depan dalam menghadapi suasana ekonomi yang lebih mencabar," katanya.

Edar sampul angpau

Dalam perkembangan lain, BER-NAMA melaporkan Najib akan mengedarkan sampul angpau secara percuma sempena Tahun Baharu Cina yang akan disambut masyarakat Cina pada 8 Februari ini.

"Sambutan Tahun Baharu Cina akan tiba tidak lama lagi, kami akan mengedarkan sampul angpau 'Ah Jib Gor' edisi khas secara percuma kepada peminat," menurut kenyataan berbahasa Mandarin yang disiarkan melalui laman Facebook 'Ah Jib Gor'.

Menurut laman web Facebook 'Ah Jib Gor', peminat hanya perlu tekan 'Like' pada laman itu dan mengisi butiran peribadi seperti alamat rumah, nama penuh dan nombor telefon menerusi pautan: https://www.facebook.com/ahjibgor/app_161683100556760.

Sampul angpau itu berwarna merah dan memaparkan karikatur Najib dengan berbaju tradisional Cina serta karakter kartun monyet yang dicetak perkataan 'Selamat Menyambut Tahun Mo-nyet' dalam warna emas.

"Setiap paket mengandungi 10 keping sampul angpau dan akan diedarkan sementara stok masih ada," kata laman web itu.

BH - 17/1/2016